



# RANCANGAN KAWASAN KHAS TASIK CHINI (PENGUBAHAN)



# RANCANGAN KAWASAN KHAS TASIK CHINI (PENGUBAHAN)



Disediakan oleh:

**PLANMalaysia@Pahang**  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pahang



MAJLIS DAERAH PEKAN



MAJLIS DAERAH MARAN



MAJLIS DAERAH ROMPIN

# ISI KANDUNGAN

Muka Surat

## 1.0 PENGENALAN

1.1 Matlamat Pengubahan	1
1.2 Cadangan Pengubahan	1
1.3 Tujuan Laporan	1
1.4 Proses Penyediaan RKK Tasik Chini (Pengubahan)	2
1.5 Keperluan Perundangan	2

## 2.0 KAWALAN PEMBANGUNAN

2.1 Peta Cadangan Guna Tanah Draf RKK Tasik Chini (Pengubahan)	3
2.2 Zon Pembangunan dan Zon Pembangunan Kecil	3
2.3 Kelas Kegunaan Tanah	3

## 3.0 PERKARA PINDAAN DALAM PENGUBAHAN

### PINDAAN KEPADA ZON GUNA TANAH DAN KELAS KEGUNAAN TANAH

3.1 Perbandingan Pelan Asas Rancangan Kawasan Khas Tasik Chini	4
3.2 Perubahan Sempadan Rizab Biosfera Rancangan Kawasan Khas Tasik Chini	5
3.3 Cadangan Zon Pembangunan Rancangan Kawasan Khas Tasik Chini	6
3.4 Zon Utama Dipinda Kepada Zon Rizab Biosfera	7
3.5 Zon Utama Di Dalam Zon Rizab Biosfera	8
3.6 Zon Peralihan Di Dalam Zon Rizab Biosfera	14
3.7 Zon Penampakan Di Dalam Zon Rizab Biosfera	26
3.8 Zon Pinggiran Biosfera 1 (ZPB 1)	28
3.9 Zon Pinggiran Biosfera 2 (ZPB 2)	30
3.10 Zon Pinggiran Biosfera 3 (ZPB 3)	38

### PINDAAN KEPADA STRATEGI PENGURUSAN ALAM SEKITAR

3.11 Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)	50
---	----

### PINDAAN KEPADA PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN

3.12 Majlis Biodiversiti Pahang dan Perbadanan Taman Negeri Pahang	56
--	----

## 4.0 RINGKASAN KANDUNGAN RKKTC (PENGUBAHAN)

59

# SENARAI RAJAH

Muka Surat

Rajah 3.1	Perubahan Pelan Guna Tanah Semasa Rancangan Kawasan Khas Tasik Chini (Pengubahan)	4
Rajah 3.2	Perubahan Sempadan Rizab Biosfera Rancangan Kawasan Khas Tasik Chini (Pengubahan)	5
Rajah 3.3	Perubahan Pelan Zon Pembangunan Rancangan Kawasan Khas Tasik Chini	6
Rajah 3.4	Perubahan Zon Utama Rancangan Kawasan Khas Tasik Chini	7
Rajah 3.5	Pelan Keseluruhan Zon Rizab Biosfera - Zon Utama	8
Rajah 3.6	Pelan Zon Rizab Biosfera - Zon Utama – HSK dan Badan Air	9
Rajah 3.7	Pelan Zon Rizab Biosfera - Zon Utama – Kampung Gumum	11
Rajah 3.8	Pelan Keseluruhan Zon Rizab Biosfera – Zon Peralihan	14
Rajah 3.9	Pelan Zon Rizab Biosfera - Zon Peralihan – Ladang MUIP	15
Rajah 3.10	Pelan Zon Rizab Biosfera - Zon Peralihan – Bukit Ketaya	17
Rajah 3.11	Pelan Zon Rizab Biosfera - Zon Peralihan – Rangkaian CFS	19
Rajah 3.12	Pelan Zon Rizab Biosfera - Zon Peralihan – Kuala Chini	21
Rajah 3.13	Pelan Zon Rizab Biosfera - Zon Peralihan – Perkampungan dan Pertanian	24
Rajah 3.14	Pelan Zon Rizab Biosfera - Zon Penampunan	26
Rajah 3.15	Pelan Zon Pinggiran Biosfera 1 (ZPB 1)	28
Rajah 3.16	Pelan Zon Pinggiran Biosfera 2 (ZPB 2)	30
Rajah 3.17	Pelan Zon Pinggiran Biosfera 2.1 (ZPB 2.1) - Terapai	31
Rajah 3.18	Pelan Zon Pinggiran Biosfera 2.2 (ZPB 2.2) - Jemarau	34
Rajah 3.19	Pelan Zon Pinggiran Biosfera 2.3 (ZPB 2.3) – Maran - Rompin	36
Rajah 3.20	Pelan Zon Pinggiran Biosfera 3 (ZPB 3)	38
Rajah 3.21	Pelan Zon Pinggiran Biosfera 3.1 (ZPB 3.1) - Felda Chini	39
Rajah 3.22	Pelan Zon Pinggiran Biosfera 3.2 (ZPB 3.2) – Salong	43
Rajah 3.23	Pelan Zon Pinggiran Biosfera 3.3 (ZPB 3.3) – Mentiga	46
Rajah 3.24	Pelan Zon Pinggiran Biosfera 3.4 (ZPB 3.4) – Maran - Rompin	48
Rajah 3.25	Pelan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Bersepadu	50
Rajah 3.26	Pelan Tahap KSAS	51
Rajah 3.27	Strategi Pembangunan Menjadikan Tasik Chini Sebagai Pusat Kecemerlangan Sains, Destinasi Biosfera Dunia Dan Alam Sekitar Mampan	53
Rajah 3.28	Carta Organisasi Majlis Biodiversiti Pahang	57
Rajah 3.29	Carta Organisasi Perbadanan Taman Negeri Pahang	58

# SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual 3.1	Jadual Kelas Kegunaan Tanah - Zon Utama – HSK dan Badan Air	10
Jadual 3.2	Jadual Kelas Kegunaan Tanah Zon Utama – Kampung Gumum	12
Jadual 3.3	Jadual Kelas Kegunaan Tanah Zon Peralihan – Ladang MUIP	16
Jadual 3.4	Jadual Kelas Kegunaan Tanah Zon Peralihan – Bukit Ketaya	18
Jadual 3.5	Jadual Kelas Kegunaan Tanah Zon Peralihan – Rangkaian CFS	20
Jadual 3.6	Jadual Kelas Kegunaan Tanah Zon Peralihan – Kuala Chini	22
Jadual 3.7	Jadual Kelas Kegunaan Tanah Zon Peralihan – Perkampungan dan Pertanian	25
Jadual 3.8	Jadual Kelas Kegunaan Tanah Zon Penampunan	27
Jadual 3.9	Jadual Kelas Kegunaan Tanah Zon Pinggiran Biosfera 1 (ZPB 1)	29
Jadual 3.10	Jadual Kelas Kegunaan Tanah Zon Pinggiran Biosfera 2.1 (ZPB 2.1) - Terapai	32
Jadual 3.11	Jadual Kelas Kegunaan Tanah Zon Pinggiran Biosfera 2.2 (ZPB 2.2) - Jemarau	35
Jadual 3.12	Jadual Kelas Kegunaan Tanah Zon Pinggiran Biosfera 2.3 (ZPB 2.3) – Maran - Rompin	37
Jadual 3.13	Jadual Kelas Kegunaan Tanah Zon Pinggiran Biosfera 3.1 (ZPB 3.1) - Felda Chini	40
Jadual 3.14	Jadual Kelas Kegunaan Tanah Zon Pinggiran Biosfera 3.2 (ZPB 3.2) - Salong	44
Jadual 3.15	Jadual Kelas Kegunaan Tanah Zon Pinggiran Biosfera 3.3 (ZPB 3.3) - Mentiga	47
Jadual 3.16	Jadual Kelas Kegunaan Tanah Zon Pinggiran Biosfera 3.4 (ZPB 3.4) – Maran – Rompin	49
Jadual 3.17	Garis Panduan Tahap Kawasan Sensitif Alam Sekitar di Tasik Chini	52
Jadual 4.1	Ringkasan Pengubahan Rajah	59
Jadual 4.2:	Ringkasan Pengubahan Jadual Kelas Kegunaan Tanah dan Strategi Alam Sekitar	60

# 1.0 PENGENALAN

## 1.1 MATLAMAT PENGUBAHAN

Pengubahan Rancangan Kawasan Khas Tasik Chini (RKKTC) adalah untuk tujuan pemuliharaan dan pemeliharaan kepelbagaian alam semula jadi serta biodiversiti bagi mengekalkan status Tasik Chini sebagai Rizab Biosfera UNESCO melalui pengubahan kawalan pembangunan berdasarkan keadaan dan keperluan semasa.

## 1.2 CADANGAN PENGUBAHAN

Penyediaan Draf RKKTC (Pengubahan) ini adalah lebih menjurus kepada pengubahan guna tanah, pengurusan alam sekitar seterusnya penambahbaikan kepada pengawalan perancangan berdasarkan keadaan semasa di tapak.

Selain itu, Draf RKKTC (Pengubahan) akan mengambil kira tiga perkara utama berikut:



01

Membuat pengubahan zoning dan kawalan pembangunan baharu bagi lot – lot yang terlibat dengan kelulusan pembangunan yang telah diluluskan sama ada di peringkat tempatan, negeri atau persekutuan;



02

Mengambil kira persempadanan Hutan Simpan Chini yang telah diwartakan pada 5 Ogos 2021 dengan keluasan 6,502.8 hektar (No Warta : PW 5559) berdasarkan pelan yang ditandatangani oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang pada 21 Julai 2021; dan





ArcGIS

03

Membuat pengezonan semula bagi Pelan Pengurusan Rizab Biosfera Tasik Chini iaitu zon utama, zon penampakan dan zon transisi dengan menggunakan Sistem Maklumat Geografi (GIS) dalam menetapkan persempadanan zon perlindungan.

## 1.3 TUJUAN LAPORAN

Draf RKKTC (Pengubahan) ini disediakan sebagai laporan addendum yang perlu dibaca bersama dengan Rancangan Kawasan Khas Tasik Chini (Warta Negeri No. 1833 bertarikh 26 November 2018). Draf RKKTC (Pengubahan) ini disediakan berdasarkan keperluan untuk membuat pengubahan zoning dan kawalan pembangunan baharu.



Rancangan Kawasan Khas merupakan satu dokumen statutori yang disediakan berasaskan keperluan perundangan di bawah Seksyen 16B Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) manakala pengubahan RKK adalah berdasarkan Seksyen 16 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) . Draf RKK ini akan menjadi dokumen rujukan serta panduan kepada semua agensi berkaitan dalam mengawal pembangunan di kawasan Tasik Chini khususnya.

Draf RKKTC (Pengubahan) ini mengandungi perkara-perkara seperti berikut:



## 1.4 PROSES PENYEDIAAN RKK TASIK CHINI (PENGUBAHAN)



## 1.5 Keperluan Perundangan

RKK (Pengubahan) adalah merujuk kepada pindaan RKK (Warta) yang melibatkan sebahagian kawasan atau kandungan bahagian RKK (Warta) yang tidak diubah adalah terpakai bagi tujuan kawalan perancangan. Proses RKK Pengubahan adalah tertakluk kepada Subseksyen 16B(3), Akta 172.

### SEKSYEN 16B, Akta 172

(3) Bagi maksud subseksyen (2), rancangan bagi sesuatu kawasan khas hendaklah disediakan dengan cara yang sama sebagaimana penyediaan rancangan tempatan, tetapi hendaklah dimasukkan ke dalam rancangan itu panduan yang terperinci bagi pelaksanaan dan pengurusannya, dan rancangan itu hendaklah mempunyai kuat kuasa seperti suatu rancangan tempatan.

### Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 [Akta 172]

#### Pengubahan, pembatalan dan penggantian rancangan tempatan

16. (1) Pihak berkuasa perancang tempatan boleh pada bila-bila masa, membuat cadangan untuk pengubahan, pembatalan, atau penggantian suatu rancangan tempatan.

(2) Tanpa menyentuh subseksyen (1), pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah, jika Jawatankuasa memberikan ia arahan bagi maksud itu berkenaan dengan suatu rancangan tempatan, dengan secepat yang dapat dilaksanakan menyediakan cadangan daripada jenis yang dinyatakan dalam arahan itu, iaitu cadangan untuk pengubahan, pembatalan, atau penggantian rancangan itu.

(3) Subseksyen 12(8) dan (9), dan seksyen 13, 14 dan 15, hendaklah terpakai berhubung dengan pembuatan cadangan untuk pengubahan, pembatalan, atau penggantian suatu rancangan tempatan di bawah seksyen ini dan berkenaan dengan apa-apa pengubahan, pembatalan atau penggantian rancangan itu yang berikutnya, sebagaimana ia terpakai berhubung dengan penyediaan draf rancangan tempatan di bawah seksyen 12 dan berhubung dengan draf rancangan tempatan yang disediakan di bawahnya.

## 2.0 KAWALAN PEMBANGUNAN

### 2.1 PETA CADANGAN GUNA TANAH DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS TASIK CHINI (PENGUBAHAN)

Peta Cadangan Guna Tanah Draf Rancangan Kawasan Khas Tasik Chini (Pengubahan) menunjukkan penggunaan tanah bagi kawasan Draf Rancangan Kawasan Khas Tasik Chini (Pengubahan). Ia merupakan panduan di dalam pemajuan dan pengawalan pembangunan di kawasan kajian yang akan digunakan oleh semua pihak termasuk Majlis Daerah Pekan, Majlis Daerah Maran, Majlis Daerah Rompin, agensi-agensi kerajaan lain, tuan-tuan tanah serta pemaju pembangunan. Pembentukan zoning guna tanah ini telah mengambilkira :

- i. Pengubahan zoning dan kawalan pembangunan baharu bagi lot-lot yang terlibat dengan kelulusan pembangunan yang telah diluluskan sama ada di peringkat tempatan, negeri atau persekutuan;
- ii. Persempadanan hutan simpan Chini yang telah diwartakan pada 5 Ogos 2021 dengan kelulusan 6,502.8 hektar (No Warta : PW 5559) berdasarkan pelan yang ditandatangani oleh Pengarah ukur dan pemetaan Pahang pada 21 Julai 2021; dan
- iii. Pengezonan semula bagi pelan pengurusan Rizab Biosfera Tasik Chini sebagai zon utama, zon penampakan dan zon transisi dengan menggunakan sistem maklumat geografi (GIS) dalam menetapkan persempadanan zon perlindungan.

### 2.2 ZON PEMBANGUNAN DAN ZON PEMBANGUNAN KECIL

Terdapat empat Zon Pembangunan di dalam Draf Rancangan Kawasan Khas Tasik Chini (Pengubahan) iaitu:

- i. Zon Rizab Biosfera (ZRB)
- ii. Zon Pinggiran Biosfera 1 (ZPB 1)
- iii. Zon Pinggiran Biosfera 2 (ZPB 2)
- iv. Zon Pinggiran Biosfera 3 (ZPB 3)

Pembentukan Zon Pembangunan adalah untuk tujuan perancangan dan pengawalan penggunaan tanah yang lebih sistematik selaras dengan fungsi dan guna tanah setiap zon. Zon Pembangunan ini seterusnya dipecahbagikan kepada Zon Pembangunan Kecil (ZPK) yang dipaparkan di dalam peta cadangan dan jadual kelas kegunaan tanah. Sempadan ZPK adalah mengikut keseragaman ciri-ciri guna tanah dan juga sempadan fizikal seperti jalan raya, sungai dan lain-lain.

### 2.3 KELAS KEGUNAAN TANAH

Kelas Kegunaan Tanah adalah jadual yang perlu dibaca bersama Peta Cadangan Guna Tanah Draf RKKTC (Pengubahan). Kelas Kegunaan Tanah memperincikan aktiviti atau jenis guna tanah / bangunan yang boleh dibenarkan di dalam setiap zon guna tanah. Kelas kegunaan tanah ini merupakan salah satu rujukan pihak Majlis Daerah Pekan, Majlis Daerah Maran dan Majlis Daerah Rompin di dalam mempertimbangkan permohonan Kebenaran Merancang (KM). Penukaran guna tanah dan bangunan memerlukan pertimbangan oleh ketiga-tiga PBPT ini di dalam membuat keputusan terhadap permohonan KM sama ada untuk:

- i. Lulus; atau
- ii. Tolak.

Jadual Kelas Kegunaan Tanah dibahagikan kepada 4 kolom iaitu:



# 3.0 PERKARA PINDAAN DALAM PENGUBAHAN

## PINDAAN KEPADA ZON GUNA TANAH DAN KELAS KEGUNAAN TANAH


### 3.1 PERUBAHAN PELAN GUNA TANAH SEMASA RANCANGAN KAWASAN KHAS TASIK CHINI (PENGUBAHAN)

Perubahan Pelan Guna Tanah Semasa Rancangan Kawasan Khas Tasik Chini ini melibatkan perubahan pada Rajah 3.3: Pelan Guna Tanah Semasa Kawasan Kajian, 2016 di dalam RKKTC (Warta) pada muka surat 3-3.


Perubahan ini telah mengambilkira guna tanah semasa (2022) serta input-input baharu daripada pelbagai agensi sewaktu proses penyediaan Draf RKKTC (Pengubahan) termasuklah projek-projek pelaburan dan kelulusan pembangunan sama ada di peringkat tempatan, negeri dan persekutuan.

Perbandingan Guna Tanah RKK Warta dan RKK Pengubahan

Gunatanah	Warta		Pengubahan	
	Hektar	Peratus	Hektar	Peratus
Perumahan	512.06	0.92	534.74	0.96
Perniagaan	9.20	0.02	15.96	0.03
Perindustrian	693.42	1.25	259.07	0.47
Institusi dan Kemudahan Masyarakat	82.45	0.15	105.82	0.19
Tanah Lapang dan Rekreasi	12.08	0.02	18.87	0.03
Pertanian	19,761.79	35.55	17,638.07	31.73
Infrastruktur dan Utiliti	14.89	0.03	42.01	0.08
Pengangkutan	366.01	0.66	456.84	0.82
Hutan	32,194.90	57.92	34,635.02	62.31
Badan Air	1,939.32	3.49	1,879.72	3.38
<b>JUMLAH</b>	<b>55,586.12</b>	<b>100.00</b>	<b>55,586.12</b>	<b>100.00</b>




Rajah 3.1 : Perubahan Pelan Guna Tanah Semasa Rancangan Kawasan Khas Tasik Chini (Pengubahan)




### 3.2 PERUBAHAN SEMPADAN RIZAB BIOSFERA RANCANGAN KAWASAN KHAS TASIK CHINI

Perubahan Pelan Sempadan Zon Rizab Biosfera Rancangan Kawasan Khas Tasik Chini (Pengubahan) ini melibatkan perubahan pada Rajah 2.3: Kawasan Kajian Mengikut Laporan 'Strategic Implementation Plan' di dalam RKKTC (Warta) pada muka surat 2-3.

Perubahan ini telah mengambilkira guna tanah semasa (2022) serta input-input baharu daripada pelbagai agensi sewaktu proses penyediaan Draf RKKTC (Pengubahan) termasuklah projek-projek pelaburan dan kelulusan pembangunan sama ada di peringkat tempatan, negeri dan persekutuan.



Rajah 3.2 : Perubahan Sempadan Rizab Biosfera Rancangan Kawasan Khas Tasik Chini (Pengubahan)



### 3.3 CADANGAN ZON PEMBANGUNAN RANCANGAN KAWASAN KHAS TASIK CHINI


Perubahan Pelan Zon Pembangunan Rancangan Kawasan Khas Tasik Chini ini melibatkan perubahan pada Rajah 11.1(a): Zon Pembangunan RKK Tasik Chini di dalam RKKTC (Warta) pada muka surat 11 - 1.

#### RKKTC (Warta)


1. Zon Utama (Core Zone)
2. Zon Penampakan (Buffer Zone)
3. Zon Peralihan (Transition Zone)

#### RKKTC (Pengubahan)

1. Zon Rizab Biosfera
  - Zon Utama (Core Zone)
  - Zon Peralihan (Transition Zone)
  - Zon Penampakan (Buffer Zone)
2. Zon Pinggiran Biosfera 1 (ZPB 1)
3. Zon Pinggiran Biosfera 2 (ZPB 2)
  - ZPB 2.1 - Terapai
  - ZPB 2.2 - Jemarau
  - ZPB 2.3 - Maran - Rompin
4. Zon Pinggiran Biosfera 3 (ZPB 3)
  - ZPB 3.1 - Felda Chini
  - ZPB 3.2 - Salong
  - ZPB 3.3 - Mentiga
  - ZPB 3.4 - Maran - Rompin



Rajah 3.3 : Perubahan Pelan Zon Pembangunan Rancangan Kawasan Khas Tasik Chini



### 3.4 ZON UTAMA DIPINDA KEPADA ZON RIZAB BIOSFERA

Perubahan Zon Utama Rancangan Kawasan Khas Tasik Chini ini melibatkan perubahan pada Rajah 11.3: Peta Cadangan Guna Tanah Zon Utama (*Core Zone*) di dalam RKKTC (Warta) pada muka surat 11 - 4.



Perubahan Zon Utama kepada Zon Rizab Biosfera adalah dengan mengambilkira input daripada Laporan *Periodic Review* Rizab Biosfera 2022. Zon Utama di dalam RKK (Warta) mempunyai 4 Zon Pembangunan Kecil (ZPK) iaitu:



Perubahan Zon Utama di dalam RKKTC (Warta) kepada Zon Rizab Biosfera akan menjadikan Zon Rizab Biosfera kini terdiri daripada 3 zon iaitu:

Zon	Keluasan (Hektar)
<b>1. Zon Utama (<i>Core Zone</i>)</b>	
▪ Hutan Simpan Kekal (HSK) dan Badan Air	3,162.90
▪ Kampung Gumum	283.72
<b>Jumlah</b>	<b>3,446.62</b>
<b>2. Zon Peralihan (<i>Transition Zone</i>)</b>	
▪ Ladang MUIP	402.31
▪ Bukit Ketaya	817.77
▪ Rangkaian CFS	276.40
▪ Kuala Chini	38.46
▪ Perkampungan & Pertanian	1,246.30
<b>Jumlah</b>	<b>2,781.24</b>
<b>3. Zon Penampakan (<i>Buffer Zone</i>)</b>	2,914.76
<b>Jumlah Besar</b>	<b>9,142.62</b>

Rajah 3.4 : Perubahan Zon Utama Rancangan Kawasan Khas Tasik Chini








**Jadual 3.1: Jadual Kelas Kegunaan Tanah - Zon Utama – HSK dan Badan Air  
(Pindaan kepada Jadual 11.3 (a): Jadual Kelas Kegunaan Tanah ZU1: Tasik Chini, muka surat 11-6, RKKTC (Warta))**


KOLUM I	KOLUM II	KOLUM III		KOLUM IV
Jenis Guna Tanah Utama	Aktiviti Yang Dibenarkan	Aktiviti Yang Dibenarkan Dengan Syarat		Lain-Lain Keperluan/Catatan
		Aktiviti	Syarat	
<b>Hutan</b>	<b>Hutan</b> 1. Hutan Simpan Kekal 2. Hutan Simpan Negeri 3. Kawasan Hutan Perlindungan	Tiada	Tiada	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perlu untuk mengekalkan kawasan hutan simpan kekal sebagai kawasan hutan untuk tujuan tadahan air, rekreasi, pendidikan dan sumber flora fauna.</li> <li>2. Perlu mematuhi Pelan Induk Rangkaian Ekologi - Central Forest Spine (CFS).</li> <li>3. Melaksanakan sistem pengurusan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) bagi memudahkan operasi pengenalpastian, pengurusan dan penguatkuasaan kawasan ini.</li> <li>4. Pembalakan dan perlombongan tidak dibenarkan di dalam kawasan 500 meter daripada gigi air.</li> <li>5. Melaksana langkah-langkah pemulihan dan restorasi di kawasan terosot seperti penanaman semula pokok.</li> </ol>
	<b>Taman Biosfera Tasik Chini</b> 1. Pusat Penyelidikan Tasik Chini (PPTC-UKM) 2. Aktiviti pelancongan di Tasik Chini 3. Kegiatan formal orang asli	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Eko pelancongan / rekreasi pasif.</li> <li>2. Kediaman (<i>chalet</i>) sokongan kepada pelancongan rekreasi hutan.</li> <li>3. Penyelidikan dan pendidikan.</li> <li>4. Laluan semulajadi / hutan (<i>nature trail</i>).</li> <li>5. Tapak perkhemahan.</li> <li>6. Pengkajian flora dan fauna.</li> <li>7. Mendaki gunung / bukit.</li> <li>8. Menara pandang panorama.</li> <li>9. Pusat pelawat.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sebarang aktiviti perlu mendapat kebenaran dan kelulusan Jabatan Perhutanan dan Jabatan Pengairan dan Saliran.</li> <li>2. Perancangan aktiviti juga perlu mengikut keperluan piawaian perancangan.</li> <li>3. Menyediakan EIA dan SIA tertakluk kepada aktiviti yang telah ditetapkan.</li> <li>4. Pemantauan dan penilaian kegiatan pelancongan dari semasa ke semasa.</li> </ol>	
<b>Badan Air</b>	<b>Badan Air</b> i. Sungai ii. Tasik  <b>Buatan</b> i. Tasik Rekreasi	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pelancongan.</li> <li>2. Penyelidikan dan pendidikan.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sebarang aktiviti perlu mendapat kebenaran dan kelulusan Jabatan Perhutanan dan Jabatan Pengairan dan Saliran.</li> <li>2. Perancangan aktiviti juga perlu mengikut keperluan piawaian perancangan.</li> <li>3. Pemantauan dan penilaian kegiatan pelancongan dari semasa ke semasa.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Semua pemajuan perlu mematuhi aspek perundangan, dasar, garis panduan, syarat-syarat dan piawaian perancangan yang digunapakai dan ditetapkan oleh PBN, PBPT dan agensi-agensy kerajaan lain yang berkenaan.</li> <li>2. Rizab sungai tertakluk kepada keperluan JPS dan garis panduan khusus.</li> <li>3. Kaedah-kaedah kawalan yang perlu dijalankan bagi memastikan sebarang aktiviti yang dijalankan di pesisir sungai / tasik tidak menjejaskan kualiti air.</li> </ol>

Perubahan pada ZU2: Kampung Gumum ini melibatkan perubahan pada Rajah 11.3(b): Peta Cadangan Guna Tanah ZU2: Kampung Gumum di dalam RKKTC (Warta) pada muka surat 11 - 7.

Nama zon juga mengalami perubahan kepada Zon Rizab Biosfera - Zon Utama - Kampung Gumum di dalam Draf RKKTC (Pengubahan).



Rajah 3.7 : Pelan Zon Rizab Biosfera - Zon Utama – Kampung Gumum



Jadual 3.2: Jadual Kelas Kegunaan Tanah Zon Utama – Kampung Gumum

(Pindaan kepada Jadual 11.3 (b): Jadual Kelas Kegunaan Tanah ZU2: Kampung Gumum, muka surat 11-8, RKKTC (Warta)


KOLUM I	KOLUM II	KOLUM III		KOLUM IV
Jenis Guna Tanah Utama	Aktiviti Yang Dibenarkan	Aktiviti Yang Dibenarkan Dengan Syarat		Lain-Lain Keperluan/Catatan
		Aktiviti	Syarat	
Hutan	<b>Hutan</b> 1. Hutan Simpan Kekal i. Hutan Perlindungan Tanah ii. Hutan Lipur iii. Hutan Pelajaran iv. Hutan Penyelidikan v. Ladang Hutan	<b>Aktiviti untuk Orang Asli:</b> 1. Perumahan	1. Mengikut garis panduan piawaian perancangan PLANMalaysia dan MD Pekan. 2. Penyediaan <i>Homestay</i> perlu merujuk kepada garis panduan khusus yang telah disediakan.	1. Semua pemajuan perlu mematuhi aspek perundangan, dasar, garis panduan, syarat-syarat dan piawaian perancangan yang digunakan dan ditetapkan oleh PBN, PBPT dan agensi-agensi kerajaan lain yang berkenaan. 2. Pembentukan kawasan perumahan berasaskan prinsip dan konsep komuniti sejahtera yang lengkap dengan keperluan asas yang diperlukan.
		<b>Tanah Lapang dan Rekreasi</b> 1. Tanah Lapang 2. Kemudahan Sukan dan Rekreasi 3. Kawasan Hijau	1. Mengikut garis panduan piawaian perancangan PLANMalaysia dan MD Pekan.	1. Semua pemajuan perlu mematuhi aspek perundangan, dasar, garis panduan, syarat-syarat dan piawaian perancangan yang digunakan dan ditetapkan oleh PBN, PBPT dan agensi-agensi kerajaan lain yang berkenaan. 2. Penanaman pokok dan landskap yang bersesuaian dengan fungsi tanah lapang. 3. Pewartaan tanah lapang awam dan rekreasi oleh PBT.
		<b>Institusi dan Kemudahan Masyarakat</b> 1. Pendidikan i. Taska / Tabika ii. Tadika iii. Sekolah Rendah 2. Kesihatan i. Klinik Komuniti 3. Keselamatan i. Balai Polis Komuniti / Pondok Polis 4. Kemudahan Awam i. Dewan Serbaguna Awam ii. Dewan Orang Ramai iii. Balai Raya / Pusat Komuniti iv. Perpustakaan Awam v. Pejabat Pos vi. Tandas Awam	1. Mengikut garis panduan piawaian perancangan PLANMalaysia dan MD Pekan.	1. Semua pemajuan perlu mematuhi aspek perundangan, dasar, garis panduan, syarat-syarat dan piawaian perancangan yang digunakan dan ditetapkan oleh PBN, PBPT dan agensi-agensi kerajaan lain yang berkenaan. 2. Pemajuan hendaklah berkonsepkan mesra alam dengan memberi penekanan kepada pencahayaan, pengudaraan dan teknologi hijau bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif.

(sambungan)

KOLUM I	KOLUM II	KOLUM III		KOLUM IV
Jenis Guna Tanah Utama	Aktiviti Yang Dibenarkan	Aktiviti Yang Dibenarkan Dengan Syarat		Lain-Lain Keperluan/Catatan
		Aktiviti	Syarat	
<b>Hutan</b>	<b>Hutan</b> 1. Hutan Simpan Kekal i. Hutan Pengeluaran ii. Hutan Perlindungan Tanah iii. Hutan Lipur iv. Hutan Pelajaran v. Hutan Penyelidikan	<b>Pengangkutan</b> 1. Pengangkutan Darat 2. Pengangkutan Air 3. Jalan	1. Tertakluk kepada keperluan dan kelulusan jabatan teknikal.	1. Keperluan rizab adalah tertakluk kepada garis panduan JKR, PBT dan agensi teknikal yang berkaitan.
		<b>Infrastruktur dan Utiliti</b> 1. Bekalan Elektrik 2. Bekalan gas/ Petroleum 3. Bekalan Air 4. Pengairan dan Perparitan 5. Telekomunikasi 6. Pembentungan	1. Tertakluk kepada keperluan dan kelulusan jabatan teknikal.	1. Semua pemajuan perlu mematuhi aspek perundangan, dasar, garis panduan, syarat-syarat dan piawaian perancangan yang digunakan dan ditetapkan oleh PBN, PBPT dan agensi-agensi kerajaan lain yang berkenaan. 2. Keperluan rizab talian rentis tertakluk kepada syarat TNB. 3. Perlu merujuk kepada syarat-syarat am penggunaan rentis di bawah talian penghantaran voltan tinggi TNB.
		<b>Pertanian</b> 1. Pertanian 2. Penternakan i. Lembu ii. Kambing 3. Akuakultur i. Ikan ii. Udang	1. Tertakluk kepada keperluan dan kelulusan jabatan teknikal.	1. Semua pemajuan perlu mematuhi aspek perundangan, dasar, garis panduan, syarat-syarat dan piawaian perancangan yang digunakan dan ditetapkan oleh PBN, PBPT agensi-agensi kerajaan lain yang berkenaan. 2. Aktiviti pertanian perlulah mematuhi garis panduan khusus yang ditetapkan.
		<b>Badan Air</b> i. Sungai	1. Tertakluk kepada keperluan dan kelulusan jabatan teknikal.	1. Semua pemajuan perlu mematuhi aspek perundangan, dasar, garis panduan, syarat-syarat dan piawaian perancangan yang digunakan dan ditetapkan oleh PBN, PBPT dan agensi-agensi kerajaan lain yang berkenaan. 2. Rizab sungai tertakluk kepada keperluan JPS dan tertakluk kepada garis panduan khusus. 3. Kaedah-kaedah kawalan yang perlu dijalankan bagi memastikan sebarang aktiviti yang dijalankan di pesisir sungai dan tasik tidak menjejaskan kualiti air.

### 3.6 Zon Peralihan Di Dalam Zon Rizab Biosfera

Rajah 3.8 : Pelan Keseluruhan Zon Rizab Biosfera – Zon Peralihan




Zon Peralihan ini dibahagikan kepada lima kawasan iaitu:

1. Zon Peralihan – Ladang MUIP
2. Zon Peralihan – Bukit Ketaya
3. Zon Peralihan – Rangkaian CFS
4. Zon Peralihan – Kuala Chini
5. Zon Peralihan – Perkampungan dan Pertanian

Rajah 3.9 : Pelan Zon Rizab Biosfera - Zon Peralihan – Ladang Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP)

DRAF RKKTC (PENGUBAHAN)




Jadual 3.3: Jadual Kelas Kegunaan Tanah Zon Peralihan – Ladang MUIP


KOLUM I	KOLUM II	KOLUM III		KOLUM IV
Jenis Guna Tanah Utama	Aktiviti Yang Dibenarkan	Aktiviti Yang Dibenarkan Dengan Syarat		Lain-Lain Keperluan/Catatan
		Aktiviti	Syarat	
<b>Pertanian</b>	<b>Pertanian</b> 1. Pertanian  2. Penternakan i. Lembu ii. Kambing	<b>Perumahan</b> 1. Kuarters pekerja  <i>*Densiti rendah                      7-29 unit/hektar                      (3- 12 unit/ekar)</i>	1. Mengikut garis panduan piawaian perancangan PLANMalaysia.  2. Merujuk kepada garis panduan khusus kuarters pekerja.	1. Semua pemajuan perlu mematuhi aspek perundangan, dasar, garis panduan, syarat-syarat dan piawaian perancangan yang digunapakai dan ditetapkan oleh PBN, PBPT dan agensi-agensi kerajaan lain yang berkenaan.  2. Aktiviti pertanian perlulah mematuhi garis panduan khusus yang ditetapkan.  3. Pembentukan kawasan kuarters pekerja berasaskan prinsip dan konsep komuniti sejahtera yang lengkap dengan keperluan asas yang diperlukan.  4. Pemajuan hendaklah berkonsepkan mesra alam dengan memberi penekanan kepada pencahayaan, pengudaraan dan teknologi hijau bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif.

Perubahan pada ZU4: Bukit Ketaya ini melibatkan perubahan pada Rajah 11.3(d): Peta Cadangan Guna Tanah ZU4: Bukit Ketaya di dalam RKKTC (Warta) pada muka surat 11 - 12.

Nama zon juga mengalami perubahan kepada Zon Rizab Biosfera - Zon Peralihan - Bukit Ketaya di dalam Draf RKKTC (Pengubahan).



Rajah 3.10 : Pelan Zon Rizab Biosfera - Zon Peralihan – Bukit Ketaya




**Jadual 3.4: Jadual Kelas Kegunaan Tanah Zon Peralihan – Bukit Ketaya**

(Pindaan kepada Jadual 11.3 (d): Jadual Kelas Kegunaan Tanah ZU4: Bukit Ketaya, muka surat 11-13, RKKTC (Warta))

KOLUM I	KOLUM II	KOLUM III		KOLUM IV
Jenis Guna Tanah Utama	Aktiviti Yang Dibenarkan	Aktiviti Yang Dibenarkan Dengan Syarat		Lain-Lain Keperluan/Catatan
		Aktiviti	Syarat	
<b>Hutan</b>	<b>Hutan</b> 1. Hutan Simpan Kekal i. Hutan Perlindungan Tanah ii. Hutan Lipur iii. Hutan Pelajaran iv. Hutan Penyelidikan v. Ladang Hutan	<b>Perlombongan</b> 1. Lombong dan Kuari	1. Tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri	1. Sebarang aktiviti perlombongan tertakluk kepada Akta Pembangunan Mineral 1994. 2. Mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. 3. Merujuk kepada garis panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) dari Jabatan Mineral dan Geosains (JMG). 4. Melaksanakan perlombongan secara mampan dan berimpak rendah. 5. Melaksana langkah-langkah pemulihan kawasan bekas lombong supaya ia dapat ditebusguna untuk aktiviti lain. 6. Melaksana langkah-langkah pemulihan dan restorasi di kawasan terosot seperti penanaman semula pokok. 7. Memastikan langkah-Langkah pengurusan sisa lombong yang berkesan dilaksanakan.

Rajah 3.11 : Pelan Zon Rizab Biosfera - Zon Peralihan – Rangkaian CFS

DRAF RKKTC (PENGUBAHAN)




Jadual 3.5: Jadual Kelas Kegunaan Tanah Zon Peralihan – Rangkaian CFS


KOLUM I	KOLUM II	KOLUM III		KOLUM IV
Jenis Guna Tanah Utama	Aktiviti Yang Dibenarkan	Aktiviti Yang Dibenarkan Dengan Syarat		Lain-Lain Keperluan/Catatan
		Aktiviti	Syarat	
<b>Hutan</b>	<b>Hutan</b> 1. Hutan Simpan Kekal i. Hutan Perlindungan Tanah ii. Hutan Lipur iii. Hutan Pelajaran iv. Hutan Penyelidikan v. Ladang Hutan	1. Eko pelancongan/ rekreasi pasif 2. Penyelidikan dan pendidikan 3. Laluan semulajadi / hutan ( <i>nature trail</i> ) 4. Tapak perkhemahan 5. Pengkajian flora dan fauna 6. Mendaki gunung / bukit 7. Menara pandang panorama 8. Pusat pelawat	1. Tertakluk kepada piawaian perancangan. 2. Menyediakan EIA dan SIA tertakluk kepada aktiviti yang telah ditetapkan. 3. Pemantauan dan penilaian kegiatan pelancongan dari semasa ke semasa.	1. Perlu mematuhi Pelan Induk Rangkaian Ekologi - Central Forest Spine (CFS). 2. Perlu untuk mengekalkan kawasan hutan simpan kekal sebagai kawasan hutan untuk tujuan tadahan air, rekreasi, pendidikan dan sumber flora fauna. 3. Melaksanakan sistem pengurusan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) bagi memudahkan operasi pengenalpastian, pengurusan dan penguatkuasaan kawasan ini.
<b>Pertanian</b>	<b>Pertanian</b> 1. Pertanian  2. Penternakan i. Lembu ii. Kambing  3. Akuakultur i. Ikan ii. Udang	Tiada	Tiada	1. Semua pemajuan perlu mematuhi aspek perundangan, dasar, garis panduan, syarat-syarat dan piawaian perancangan yang digunapakai dan ditetapkan oleh PBN, PBPT dan agensi-agensi kerajaan lain yang berkenaan. 2. Aktiviti pertanian perlulah mematuhi garis panduan khusus yang ditetapkan.
<b>Badan Air</b>	<b>Badan Air</b> i. Sungai	<b>Tanah Lapang dan Rekreasi</b> 1. Tanah Lapang 2. Kawasan Hijau  <b>Pengangkutan</b> 1. Pengangkutan Air i. Jeti ii. Lain-lain	Tertakluk kepada keperluan dan kelulusan jabatan teknikal	1. Semua pemajuan perlu mematuhi aspek perundangan, dasar, garis panduan, syarat-syarat dan piawaian perancangan yang digunapakai dan ditetapkan oleh PBN. 2. PBPT agensi-agensi kerajaan lain yang berkenaan. 3. Rizab sungai tertakluk kepada keperluan JPS dan tertakluk kepada garis panduan khusus. 4. Kaedah-kaedah kawalan perlu dijalankan bagi memastikan sebarang aktiviti yang dijalankan di pesisir sungai tidak menjejaskan kualiti air.
<b>Pengangkutan</b>	<b>Pengangkutan</b> 1. Pengangkutan Air 2. Pengangkutan Darat 3. Jalan	Tiada	Tiada	1. Keperluan rizab adalah tertakluk kepada garis panduan JKR, PBT dan agensi teknikal yang berkaitan.

Perubahan pada ZP1: Kuala Chini ini melibatkan perubahan pada Rajah 11.4(a): Peta Cadangan Guna Tanah ZP1: Kuala Chini di dalam RKKTC (Warta) pada muka surat 11 - 15.

Nama zon juga mengalami perubahan kepada Zon Rizab Biosfera - Zon Peralihan - Kuala Chini di dalam Draf RKKTC (Pengubahan).



Rajah 3.12 : Pelan Zon Rizab Biosfera - Zon Peralihan – Kuala Chini



Jadual 3.6: Jadual Kelas Kegunaan Tanah Zon Peralihan – Kuala Chini


(Pindaan kepada Jadual 11.4 (a): Jadual Kelas Kegunaan Tanah ZP1: Kuala Chini, muka surat 11-16, 11-17 RKKTC (Warta))

KOLUM I	KOLUM II	KOLUM III		KOLUM IV
Jenis Guna Tanah Utama	Aktiviti Yang Dibenarkan	Aktiviti Yang Dibenarkan Dengan Syarat		Lain-Lain Keperluan/Catatan
		Aktiviti	Syarat	
<b>Perniagaan</b>	<b>Pembangunan Bercampur</b>	<b>Perniagaan</b> 1. Peruncitan 2. Perkhidmatan 3. Restoran 4. Resort / Chalet / Homestay  <b>Perumahan</b> 1. Perumahan Bukan Strata 2. Kampung Tradisi  <b>Infrastruktur dan Utiliti</b> 1. Bekalan Elektrik 2. Bekalan gas / Petroleum 3. Bekalan Air 4. Pengairan dan Perparitan 5. Telekomunikasi 6. Pembentukan  <b>Tanah Lapang dan Rekreasi</b> 1. Tanah Lapang 2. Kemudahan Sukan dan Rekreasi 3. Kawasan Hijau	Tertakluk kepada keperluan dan kelulusan jabatan teknikal	1. Semua pemajuan perlu mematuhi aspek perundangan, dasar, garis panduan, syarat-syarat dan piawaian perancangan yang digunapakai dan ditetapkan oleh PBN, PBPT dan agensi-agensi kerajaan lain yang berkenaan. 2. Keperluan tanah lapang dan rekreasi adalah 10% daripada keluasan kasar tapak pembangunan: i. 7% merupakan keperluan tanah lapang. ii. 3% kawasan rizab awam. 4. Pemajuan hendaklah berkonsepkan mesra alam dengan memberi penekanan kepada pencahayaan, pengudaraan dan teknologi hijau bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif. 5. Perancangan perumahan dan perniagaan perlu mengambilkira Panduan Pelaksanaan Reka Bentuk Bandar Selamat ' <i>Crime Prevention Through Environmental Design</i> ' (CPTED) dan langkah-langkah melalui Program Bandar Selamat.
<b>Pengangkutan</b>	<b>Pengangkutan</b> 1. Pengangkutan Air 2. Jalan	Tiada	Tiada	1. Keperluan rizab adalah tertakluk kepada garis panduan JKR, PBT dan agensi teknikal yang berkaitan.
<b>Badan Air</b>	<b>Badan Air</b> i. Sungai	<b>Tanah Lapang dan Rekreasi</b> 1. Tanah Lapang 2. Kawasan Hijau  <b>Pengangkutan</b> 1. Pengangkutan Air i. Jeti ii. Lain-lain	Tertakluk kepada keperluan dan kelulusan jabatan teknikal	1. Semua pemajuan perlu mematuhi aspek perundangan, dasar, garis panduan, syarat-syarat dan piawaian perancangan yang digunapakai dan ditetapkan oleh PBN, PBPT dan agensi-agensi kerajaan lain yang berkenaan. 2. Rizab sungai tertakluk kepada keperluan JPS dan tertakluk kepada garis panduan khusus. 3. Kaedah-kaedah kawalan perlu dijalankan bagi memastikan sebarang aktiviti yang dijalankan di pesisir sungai tidak menjejaskan kualiti air.

(sambungan)

KOLUM I	KOLUM II	KOLUM III		KOLUM IV
Jenis Guna Tanah Utama	Aktiviti Yang Dibenarkan	Aktiviti Yang Dibenarkan Dengan Syarat		Lain-Lain Keperluan/Catatan
		Aktiviti	Syarat	
<b>Pertanian</b>	<b>Pertanian</b> 1. Pertanian 2. Penternakan i. Lembu ii. Kambing 3. Akuakultur i. Ikan ii. Udang	Tiada	Tiada	<ol style="list-style-type: none"><li>Semua pemajuan perlu mematuhi aspek perundangan, dasar, garis panduan, syarat-syarat dan piawaian perancangan yang digunakan dan ditetapkan oleh PBN, PBPT dan agensi-agensi kerajaan lain yang berkenaan.</li><li>Aktiviti pertanian perlulah mematuhi garis panduan khusus yang ditetapkan.</li></ol>
<b>Hutan</b>	<b>Hutan</b> 1. Kawasan Berhutan	<ol style="list-style-type: none"><li>Eko pelancongan / rekreasi pasif</li><li>Penyelidikan dan pendidikan</li><li>Laluan semulajadi / hutan (<i>nature trail</i>)</li><li>Tapak perkhemahan</li><li>Pusat pelawat</li></ol>	<ol style="list-style-type: none"><li>Tertakluk kepada piawaian perancangan.</li><li>Menyediakan EIA dan SIA tertakluk kepada aktiviti yang telah ditetapkan.</li><li>Pemantauan dan penilaian kegiatan pelancongan dari semasa ke semasa.</li></ol>	<ol style="list-style-type: none"><li>Perlu mematuhi Pelan Induk Rangkaian Ekologi - Central Forest Spine (CFS).</li><li>Perlu untuk mengekalkan kawasan hutan simpan kekal sebagai kawasan hutan untuk tujuan tadahan air, rekreasi, pendidikan dan sumber flora fauna.</li><li>Melaksanakan sistem pengurusan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) bagi memudahkan operasi pengenalpastian, pengurusan dan penguatkuasaan kawasan ini.</li></ol>
		<b>Pertanian</b> <ol style="list-style-type: none"><li>Pertanian</li><li>Penternakan</li><li>Akuakultur</li><li>Padang Ragut</li></ol>	<ol style="list-style-type: none"><li>Tertakluk kepada kelulusan jabatan teknikal</li><li>Aktiviti pertanian perlulah mematuhi garis panduan yang ditetapkan.</li></ol>	<ol style="list-style-type: none"><li>Perlu mematuhi Pelan Induk Rangkaian Ekologi - Central Forest Spine (CFS).</li><li>Perlu untuk mengekalkan kawasan hutan simpan kekal sebagai kawasan hutan untuk tujuan tadahan air, rekreasi, pendidikan dan sumber flora fauna.</li><li>Melaksanakan sistem pengurusan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) bagi memudahkan operasi pengenalpastian, pengurusan dan penguatkuasaan kawasan ini.</li></ol>

Rajah 3.13 : Pelan Zon Rizab Biosfera - Zon Peralihan – Perkampungan dan Pertanian




Jadual 3.7: Jadual Kelas Kegunaan Tanah Zon Peralihan – Perkampungan dan Pertanian

KOLUM I	KOLUM II	KOLUM III		KOLUM IV
Jenis Guna Tanah Utama	Aktiviti Yang Dibenarkan	Aktiviti Yang Dibenarkan Dengan Syarat		Lain-Lain Keperluan/Catatan
		Aktiviti	Syarat	
<b>Hutan</b>	<b>Hutan</b> 1. Hutan Simpan Kekal i. Hutan Perlindungan Tanah ii. Hutan Lipur iii. Hutan Pelajaran iv. Hutan Penyelidikan v. Ladang Hutan	1. Eko pelancongan/ rekreasi pasif 2. Penyelidikan dan pendidikan 3. Laluan semulajadi / hutan ( <i>nature trail</i> ) 4. Tapak perkhemahan 5. Pengkajian flora dan fauna 6. Mendaki gunung / bukit 7. Menara pandang panorama 8. Pusat pelawat b	1. Tertakluk kepada piawaian perancangan. 2. Menyediakan EIA dan SIA tertakluk kepada aktiviti yang telah ditetapkan. 3. Pemantauan dan penilaian kegiatan pelancongan dari semasa ke semasa.	1. Perlu mematuhi Pelan Induk Rangkaian Ekologi - Central Forest Spine (CFS). 2. Perlu untuk mengekalkan kawasan hutan simpan kekal sebagai kawasan hutan untuk tujuan tadahan air, rekreasi, pendidikan dan sumber flora fauna. 3. Melaksanakan sistem pengurusan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) bagi memudahkan operasi pengenalpastian, pengurusan dan penguatkuasaan kawasan ini.
<b>Pertanian</b>	<b>Pertanian</b> 1. Pertanian  2. Penternakan i. Lembu ii. Kambing  3. Akuakultur i. Ikan ii. Udang	<b>Perumahan</b> 1. Kampung Tradisi 2. Rumah Sesebuah  <i>*Densiti rendah                      7-29 unit/hektar                      (3- 12 unit/ekar)</i>	1. Semua pemajuan perlu mematuhi aspek perundangan, dasar, garis panduan dan piawaian perancangan yang digunapakai oleh PBN dan PBPT.	1. Semua pemajuan perlu mematuhi aspek perundangan, dasar, garis panduan, syarat-syarat dan piawaian perancangan yang digunapakai dan ditetapkan oleh PBN, PBPT dan agensi-agensi kerajaan lain yang berkenaan. 2. Aktiviti pertanian perlulah mematuhi garis panduan khusus yang ditetapkan.
<b>Perumahan</b>	<b>Perumahan</b> 1. Kampung Tradisi 2. Perumahan Kampung 3. Rumah Sesebuah  <i>*Densiti rendah                      7-29 unit/hektar                      (3- 12 unit/ekar)</i>	1. Homestay	1. Penyediaan <i>Homestay</i> perlu merujuk kepada garis panduan khusus yang telah disediakan.	1. Semua pemajuan perlu mematuhi aspek perundangan, dasar, garis panduan, syarat-syarat dan piawaian perancangan yang digunapakai dan ditetapkan oleh PBN, PBPT dan agensi-agensi kerajaan lain yang berkenaan. 2. Pemajuan hendaklah berkonsepkan mesra alam dengan memberi penekanan kepada pencahayaan, pengudaraan dan teknologi hijau bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif. 3. Pembentukan kawasan perumahan berasaskan prinsip dan konsep komuniti sejahtera yang lengkap dengan keperluan asas yang diperlukan.

### 3.7 ZON PENAMPAN DI DALAM ZON RIZAB BIOSFERA

Rajah 3.14 : Pelan Zon Rizab Biosfera - Zon Penampian




Jadual 3.8: Jadual Kelas Kegunaan Tanah Zon Penampian

KOLUM I	KOLUM II	KOLUM III		KOLUM IV
Jenis Guna Tanah Utama	Aktiviti Yang Dibenarkan	Aktiviti Yang Dibenarkan Dengan Syarat		Lain-Lain Keperluan/Catatan
		Aktiviti	Syarat	
<b>Hutan</b>	<b>Hutan</b> 1. Hutan Simpan Kekal i. Hutan Perlindungan Tanah ii. Hutan Lipur iii. Hutan Pelajaran iv. Hutan Penyelidikan v. Ladang Hutan	1. Eko pelancongan/ rekreasi pasif 2. Penyelidikan dan pendidikan 3. Laluan semulajadi / hutan ( <i>nature trail</i> ) 4. Tapak perkhemahan 5. Pengkajian flora dan fauna 6. Mendaki gunung / bukit 7. Menara pandang panorama 8. Pusat pelawat	1. Tertakluk kepada piawaian perancangan. 2. Menyediakan EIA dan SIA tertakluk kepada aktiviti yang telah ditetapkan. 3. Pemantauan dan penilaian kegiatan pelancongan dari semasa ke semasa.	1. Perlu mematuhi Pelan Induk Rangkaian Ekologi - Central Forest Spine (CFS). 2. Perlu untuk mengekalkan kawasan hutan simpan kekal sebagai kawasan hutan untuk tujuan tadahan air, rekreasi, pendidikan dan sumber flora fauna. 3. Melaksanakan sistem pengurusan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) bagi memudahkan operasi pengenalpastian, pengurusan dan penguatkuasaan kawasan ini.
<b>Pertanian</b>	<b>Pertanian</b> 1. Pertanian  2. Penternakan i. Lembu ii. Kambing  3. Akuakultur i. Ikan ii. Udang	Tiada	Tiada	1. Semua pemajuan perlu mematuhi aspek perundangan, dasar, garis panduan, syarat-syarat dan piawaian perancangan yang digunapakai dan ditetapkan oleh PBN, PBPT dan agensi-agensi kerajaan lain yang berkenaan. 2. Aktiviti pertanian perlulah mematuhi garis panduan khusus yang ditetapkan
<b>Perumahan</b>	<b>Perumahan</b> 1. Kampung Tradisi 2. Rumah Sesebuah  <i>*Densiti rendah                      7-29 unit/hektar                      (3- 12 unit/ekar)</i>	1. Homestay	1. Penyediaan <i>Homestay</i> perlu merujuk kepada garis panduan khusus yang telah disediakan.	1. Semua pemajuan perlu mematuhi aspek perundangan, dasar, garis panduan, syarat-syarat dan piawaian perancangan yang digunapakai dan ditetapkan oleh PBN, PBPT dan agensi-agensi kerajaan lain yang berkenaan. 2. Pembentukan kawasan perumahan berasaskan prinsip dan konsep komuniti sejahtera yang lengkap dengan keperluan asas yang diperlukan.
<b>Pengangkutan</b>	<b>Pengangkutan</b> 1. Pengangkutan Darat 2. Jalan	Tiada	Tiada	1. Keperluan rizab adalah tertakluk kepada garis panduan JKR, PBT dan agensi teknikal yang berkaitan.


### 3.8 ZON PINGGIRAN BIOSFERA 1 (ZPB 1)

Perubahan pada ZU3: Bukit Chini ini melibatkan perubahan pada Rajah 11.3(c): Peta Cadangan Guna Tanah ZU3: Bukit Chini di dalam RKKTC (Warta) pada muka surat 11 - 10.

Nama zon juga mengalami perubahan kepada Zon Pinggiran Biosfera 1 (ZPB 1) di dalam Draf RKKTC (Pengubahan).



Rajah 3.15 : Pelan Zon Pinggiran Biosfera 1 (ZPB 1)



**Jadual 3.9: Jadual Kelas Kegunaan Tanah Zon Pinggiran Biosfera 1 (ZPB 1)**  
 (Pindaan kepada Jadual 11.3 (c): Jadual Kelas Kegunaan Tanah ZU3: Bukit Chini, muka surat 11-11 RKKTC (Warta))

KOLUM I	KOLUM II	KOLUM III		KOLUM IV
Jenis Guna Tanah Utama	Aktiviti Yang Dibenarkan	Aktiviti Yang Dibenarkan Dengan Syarat		Lain-Lain Keperluan/Catatan
		Aktiviti	Syarat	
<b>Hutan</b>	<b>Hutan</b> 1. Hutan Simpan Kekal i. Hutan Perlindungan Tanah ii. Hutan Lipur iii. Hutan Pelajaran iv. Hutan Penyelidikan v. Ladang Hutan	1. Eko pelancongan/ rekreasi pasif 2. Penyelidikan dan pendidikan 3. Laluan semulajadi / hutan ( <i>nature trail</i> ) 4. Tapak perkhemahan 5. Pengkajian flora dan fauna 6. Mendaki gunung / bukit 7. Menara pandang panorama 8. Pusat pelawat	1. Tertakluk kepada piawaian perancangan. 2. Menyediakan EIA dan SIA tertakluk kepada aktiviti yang telah ditetapkan. 3. Pemantauan dan penilaian kegiatan pelancongan dari semasa ke semasa.	1. Sebarang aktiviti perlu mendapat kebenaran dan kelulusan Jabatan Perhutanan dan Pihak Berkuasa Negeri. 2. Perlu untuk mengekalkan kawasan hutan simpan kekal sebagai kawasan hutan untuk tujuan tadahan air, rekreasi, pendidikan dan sumber flora fauna. 3. Melaksanakan sistem pengurusan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) bagi memudahkan operasi pengenalpastian, pengurusan dan penguatkuasaan kawasan ini.


### 3.9 ZON PINGGIRAN BIOSFERA 2 (ZPB 2)

Perubahan pada Zon Penampakan ini melibatkan perubahan pada Rajah 11.4: Peta Cadangan Guna Tanah Zon Penampakan (*Buffer Zone*) di dalam RKKTC (Warta) pada muka surat 11 - 14.


Nama zon juga mengalami perubahan kepada Zon Pinggiran Biosfera 2 (ZPB 2) di dalam Draf RKKTC (Penggubahan).

Pembentukan Zon Pinggiran Biosfera 2 (ZPB 2) terdiri daripada 3 kawasan iaitu:

- 1 ZPB 2.1 - Terapai
- 2 ZPB 2.2 - Jemarau
- 3 ZPB 2.3 - Maran - Rompin




Rajah 3.16 : Pelan Zon Pinggiran Biosfera 2 (ZPB 2)




Perubahan pada ZP2: Terapai ini melibatkan perubahan pada Rajah 11.4(b): Peta Cadangan Guna Tanah ZP2: Terapai di dalam RKKTC (Warta) pada muka surat 11 - 18.

Nama zon juga mengalami perubahan kepada Zon Pinggiran Biosfera 2.1 (ZPB 2.1) – Terapai di dalam Draft RKKTC (Pengubahan).



Rajah 3.17 : Pelan Zon Pinggiran Biosfera 2.1 (ZPB 2.1) - Terapai



**Jadual 3.10: Jadual Kelas Kegunaan Tanah Zon Pinggiran Biosfera 2.1 (ZPB 2.1) – Terapai**  
 (Pindaan kepada Jadual 11.4 (b): Jadual Kelas Kegunaan Tanah ZP2: Terapai, muka surat 11-19 RKKTC (Warta))


KOLUM I	KOLUM II	KOLUM III		KOLUM IV
Jenis Guna Tanah Utama	Aktiviti Yang Dibenarkan	Aktiviti Yang Dibenarkan Dengan Syarat		Lain-Lain Keperluan/Catatan
		Aktiviti	Syarat	
<b>Hutan</b>	<b>Hutan</b> 1. Hutan Simpan Kekal i. Hutan Perlindungan Tanah ii. Hutan Lipur iii. Hutan Pelajaran iv. Hutan Penyelidikan v. Ladang Hutan  2. Kawasan Berhutan	1. Eko pelancongan/ rekreasi pasif 2. Penyelidikan dan pendidikan 3. Laluan semulajadi / hutan ( <i>nature trail</i> ) 4. Tapak perkhemahan 5. Pengkajian flora dan fauna 6. Mendaki gunung / bukit 7. Menara pandang panorama 8. Pusat pelawat	1. Tertakluk kepada piawaian perancangan. 2. Menyediakan EIA dan SIA tertakluk kepada aktiviti yang telah ditetapkan. 3. Pemantauan dan penilaian kegiatan pelancongan dari semasa ke semasa.	1. Perlu untuk mengekalkan kawasan hutan simpan kekal sebagai kawasan hutan untuk tujuan tadahan air, rekreasi, pendidikan dan sumber flora fauna. 2. Melaksanakan sistem pengurusan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) bagi memudahkan operasi pengenalpastian, pengurusan dan penguatkuasaan kawasan ini.
		<b>Pertanian</b> 1. Pertanian 2. Penternakan 3. Akuakultur 4. Padang Ragut	1. Tertakluk kepada kelulusan jabatan teknikal. 2. Aktiviti pertanian perlulah mematuhi garis panduan yang ditetapkan.	
		<b>Perlombongan</b> 1. Lombong 2. Kuari	1. Tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri	

(sambungan)


KOLUM I	KOLUM II	KOLUM III		KOLUM IV
Jenis Guna Tanah Utama	Aktiviti Yang Dibenarkan	Aktiviti Yang Dibenarkan Dengan Syarat		Lain-Lain Keperluan/Catatan
		Aktiviti	Syarat	
<b>Pertanian</b>	<b>Pertanian</b> 1. Pertanian 2. Penternakan i. Lembu ii. Tenusu iii. Kambing	<b>Perumahan</b> i. Perumahan Bukan Strata ii. Kampung Tradisi  <i>*Densiti sederhana rendah dan rendah            7-29 unit/hektar            (3- 12 unit/ekar).</i>	1. Mengikut garis panduan piawaian perancangan PLANMalaysia.	1. Aktiviti pertanian perlulah mematuhi garis panduan khusus yang ditetapkan. 2. Semua pemajuan perlu mematuhi aspek perundangan, dasar, garis panduan, syarat-syarat dan piawaian perancangan yang digunapakai dan ditetapkan oleh PBN, PBPT dan agensi-agensi kerajaan lain yang berkenaan.
<b>Pengangkutan</b>	<b>Pengangkutan</b> 1. Pengangkutan Darat 2. Jalan	Tiada	Tiada	1. Keperluan rizab adalah tertakluk kepada garis panduan JKR, PBT dan agensi teknikal yang berkaitan.
